



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

22hb Disember 2005

No. 26

---

**No. 3213.** AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
NATIONAL FORESTRY ACT 1984

PENGELUARAN SEBAHAGIAN DARIPADA HUTAN SIMPAN JEMENTAH  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 11(1)

PARTIAL EXCISION OF THE JEMENTAH FOREST RESERVED  
UNDER SUBSECTION 11(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1), Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan kawasan yang diperihalkan dalam Jadual, yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Jementah oleh Pemberitahuan Bil. 228 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 14 November 1953 hendaklah terhenti daripada menjadi hutan simpanan kekal.

## JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 5153.56 ha. sk. (12734.72 ek. sk.) dalam Mukim Gemas, Daerah Segamat ditandakan dengan warna kelabu di atas Pelan Bil No. P.W. 2476, P.W. 2477, P.W. 2478 dan P.W. 2479 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor.

Bertarikh 22 November 2005  
[PTG 101/PW-C/61; PTDS.KEM 2/84;  
PUNJ. BIL. (PU2)13(34)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 11 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority excises the area described in the Schedule, being part of the area declared as the Jementah Forest Reserved by Notification No. 228 published in the Johor Government Gazette on the 14 November 1953 shall cease to be a permanent forest reserve.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3450

[22hb Dis. 2005]

## SCHEDULE

The area comprising approximately 5153.56 ha. sk. (12734.72 ek. sk.) in the Mukim of Gemas, District of Segamat on outlined in grey on Plan No. P.W. 2476, P.W. 2477, P.W. 2478 and P.W. 2479 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johor.

Dated 22 November 2005

[PTG 101/PW-C/61; PTDS.KEM 2/84;  
PUNJ. BIL. (PU2)13(34)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN

*Clerk of the State Executive Council  
Johor*

## AKTA TANAH

(KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

PERISYIHARAN-PERISYIHARAN KAWASAN PENEMPATAN DESA

DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(1)

DECLARATIONS OF RURAL SETTLEMENT AREA UNDER SUBSECTION 5(1)

No. 3214.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan kawasan tanah yang terletak di Mukim Senai-Kulai, Daerah Johor Bahru yang terdiri daripada lebih kurang 457.474 ha. sk. (1130.443 ek. sk.) dan ditandakan dengan warna kelabu di atas Pelan No. P.W. 2727 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor di bawah seksyen 410 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], dijadikan kawasan penempatan desa dalam kawasan penempatan berkelompok yang dinamakan Rancangan Felcra Kuala Kabong II.

Bertarikh 6 Oktober 2005

[PTG 101/PW-A/49; PPTDK 4/98 Jld. 3;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2/(51)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 5(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [Act 530], the State Authority declares that parcel of land situated in the Mukim of Senai-Kulai, District of Johor Bahru comprising approximately 457.474 ha. sk. (1130.443 ek. sk.) and delineated

in grey on Plan No. P.W. 2727 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johor, under section 410 of the National Land Code [Act 56 of 1965], to be a rural settlement area within the group settlement area known as the Felcra Kuala Kabong II.

Dated 6 October 2005

[PTG 101/PW-A/49; PPTDK 4/98 Jld. 3;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2/(51)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN

*Clerk of the State Executive Council  
Johor*

**No. 3215.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan kawasan tanah yang terletak di Mukim Buloh Kasap, Daerah Segamat yang terdiri daripada lebih kurang 80.46 ha. sk. (198.83 ek. sk.) dan ditandakan dengan warna kelabu di atas Pelan No. P.W. 2694 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor di bawah seksyen 410 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], dijadikan kawasan penempatan desa dalam kawasan penempatan berkelompok yang dinamakan Kawasan Desa Rancangan Buloh Kasap-Sermin.

Bertarikh 22 November 2005

[PTG 101/PW-C/77; PTS(R) 3/8/61 Pt. 2;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2(28)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 5(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [Act 530], the State Authority declares that parcel of land situated in the Mukim of Buloh Kasap, District of Segamat comprising approximately 80.46 ha. sk. (198.83 ek. sk.) and delineated in grey on Plan No. G.P. 2694 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johor, under section 410 of the National Land Code [Act 56 of 1965], to be a rural settlement area within the group settlement area known as the Kawasan Desa Buloh Kasap-Sermin Scheme.

Dated 22 November 2005

[PTG 101/PW-C/77; PTS(R) 3/8/61 Pt. 2;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2(28)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN

*Clerk of the State Executive Council  
Johor*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3452

[22hb Dis. 2005]

### No. 3216.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan kawasan tanah yang terletak di Mukim Sermin, Daerah Segamat yang terdiri daripada lebih kurang 32.85 ha. sk. (81.17 ek. sk.) dan ditandakan dengan warna kelabu di atas Pelan No. P.W. 2695 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor di bawah seksyen 410 Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], dijadikan kawasan penempatan desa dalam kawasan penempatan berkelompok yang dinamakan Kawasan Desa Rancangan Buloh Kasap-Sermin.

Bertarikh 22 November 2005

[PTG 101/PW-C/77; PTS(R) 3/8/61 Pt. 2;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2(28)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 5(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [Act 530], the State Authority declares that parcel of land situated in the Mukim of Sermin, District of Segamat comprising approximately 32.85 ha. sk. (81.17 ek. sk.) and delineated in grey on Plan No. G.P. 2695 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johor, under section 410 of the National Land Code [Act 56 of 1965], to be a rural settlement area within the group settlement area known as the Kawasan Desa Buloh Kasap-Sermin Scheme.

Dated 22 November 2005

[PTG 101/PW-C/77; PTS(R) 3/8/61 Pt. 2;  
PUNJ Bil. (PU2)12 Jld. 2(28)]

HAJI AB. WAHAB BIN RIDWAN  
*Clerk of the State Executive Council  
Johor*

ENAKMEN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (PERBADANAN) 1953  
STATE SECRETARY JOHOR (INCORPORATION) ENACTMENT 1953

PERLANTIKAN  
APPOINTMENT

### No. 3217.

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 5 Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor (Perbadanan) 1953 [Enakmen Bil. 2 Tahun 1953], Setiausaha Kerajaan Johor telah melantik orang yang dinamakan dalam Jadual untuk menyempurnakan mana-mana surat ikatan, dokumen dan suratcara-suratcara lain yang memerlukan meteri Perbadanan berkuat kuasa mulai 3 Januari 2005.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

22hb Dis. 2005]

3453

In exercise of the powers conferred by section 5 of the State Secretary Johor (Incorporation) Enactment 1953 [Enactment No. 2 of 1953], the State Secretary, Johor has appointed the person named in the Schedule to execute any deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation with effect from 3 January 2005.

## JADUAL/SCHEDULE

Nama/Name	Jawatan/Designation
Encik Fadhly Suffian bin Laili	Penolong Setiausaha Cawangan Perumahan
Bertarikh 21 Oktober 2005	
Dated 21 October 2005	
[PSUCP. 39/1 Bhg. 1; PUNJ BIL.(PU2)41(6)]	

DATO' HAJI MOHD RAZALI BIN MAHUSIN  
*Setiausaha Kerajaan Johor/  
State Secretary, Johor*

## PEMBATALAN PERLANTIKAN

## REVOCATION OF APPOINTMENT

### No. 3218.

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 5 Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor (Perbadanan) 1953 [Enakmen Bil. 2 Tahun 1953], Setiausaha Kerajaan Johor dengan ini membatalkan perlantikan orang yang dinamakan dalam Jadual untuk menyempurnakan mana-mana surat ikatan, dokumen dan suratcara-suratcara lain yang memerlukan meteri Perbadanan berkuat kuasa mulai 3 Januari 2005.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the State Secretary Johor (Incorporation) Enactment 1953 [Enactment No. 2 of 1953], the State Secretary Johor hereby revokes the appointment of the person named in the Schedule to execute any deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation with effect from 3 January 2005.

## JADUAL/SCHEDULE

Nama/Name	Jawatan/Designation
Tuan Haji Muzaldin bin Haji Mohamad	Penolong Setiausaha Cawangan Perumahan
Bertarikh 21 Oktober 2005	
Dated 21 October 2005	
[PSUCP. 39/1 Bhg. 1; PUNJ. BIL. (PU2)41(6)]	

DATO' HAJI MOHD RAZALI BIN MAHUSIN  
*Setiausaha Kerajaan Johor/  
State Secretary, Johor*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3454

[22hb Dis. 2005]

## ENAKMEN RIZAB MELAYU 1936 MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1936

PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 6  
APPLICATION UNDER SECTION 6

**No. 3219.**

Kepada Semua Yang Berkenaan:

Pemohon-pemohon yang tersebut di bawah ini telah memohon kepada saya supaya tanah-tanah yang dibutirkkan di bawah ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Tahun 1936.

To All Whom It May Concern:

The undermentioned persons have applied to me under the provisions of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, to have the undermentioned holdings made Malay Reservations.

### BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDINGS

Daerah/District— Segamat. Mukim—Labis.

Bil. Surat Punya	Bil. Lot	Luas	Tuan Punya Berdaftar
Title No.	Lot No.	Area	Registered Owners
H.S.(D)	M.L.O.	Meter Persegi	
41885	2273	657.61	Zaharah binti Abd. Ghani
41883	2177	594.611	Mahmud bin Sadath
	Lot		
41582	8723	760	Nordin bin Amran
H.S.(M)	P.T.D.	Hektar	
7101	12687	0.8898	Ahamad bin Mohd Salleh
H.S.(D)	M.L.O.	Meter Persegi	
41881	2237	499	Misnah binti Darudi
H.S.(M)	P.T.D.	Hektar	
7102	12689	1.051	Mohd. Rasoul bin Abd. Rahman
7117	13044	0.920	Mohd. Hafiz bin Samsudin
7099	12697	1.3104	Saharudin bin Ibrahim
H.S.(D)		Meter Persegi	
33780	10921	157.9290	Zaini bin Yunan dan Rosidah binti Jaafar
	M.L.O.		
41962	2266	461.682	Roshayati binti Yusoff
H.S.(M)	P.T.D.	Hektar	
7192	13290	1.679	Kamarudin bin Othman
7191	13292	1.341	Haliza bte Min
H.S.(D)	M.L.O.	Meter Persegi	
41314	160	480	Mohd. bin Bailar @ Embong
H.S.(M)			
2060	2444	455	Jamiah binti Maarof

Bertarikh 22 November 2005  
Dated 22 November 2005  
[PTG(KEM) 34/2005-SGT(SK. 1);  
PPTDL(RIZ) 5/82 PT. VI]

NASRI BIN MD. ALI  
Timbalan Pengarah Negeri  
Pejabat Tanah dan Galian  
Johor

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

22hb Dis. 2005]

3455

## PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 6 DECLARATION UNDER SECTION 6

No. 3220.

Bahawa permohonan telah diperbuat kepada Pengarah di bawah peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (i) bagi seksyen 6 Enakmen Kawasan Rizab Melayu Tahun 1936 oleh tuan punya tanah sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual bersama-sama ini supaya tanahnya itu dijadikan Kawasan Rizab Melayu;

Dan bahawa pemberitahu mengenai permohonan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen-kecil (ii) itu telah diberi pada waktunya; W.K.J. 99  
bertarikh  
20.1.2005  
dan  
3.2.2005.

Dan bahawa tempoh selama dua bulan yang ditetapkan dalam seksyen-kecil (iii) itu telah habis tempohnya;

Dari itu, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (iii), maka dengan ini Pengarah Tanah dan Galian, mengisyiharkan tanah sebagaimana yang dibutirkkan dalam Jadual bersama-sama ini dijadikan Kawasan Rizab Melayu.

Whereas application was made to the Director under the provisions of sub-section (i) of section 6 of the Malay Reservations Enactment 1936, by the proprietor of the holding described in the Schedule hereto to have her holding made a Malay Reservation;

And whereas notice of the said application as required by sub-section (ii) was duly given; J.G.N. 99  
dated  
20.1.2005  
and  
3.2.2005.

And whereas the period of two months prescribed by sub-section (iii) has since lapsed;

Now, therefore, in exercise of the powers conferred by sub-section (iii), the Director of Lands and Mines, hereby declares the holding described in the Schedule hereto to be a Malay Reservation.

## BUTIR-BUTIR KENYATAAN TANAH DESCRIPTION OF HOLDING

Daerah/District—Segamat. Mukim—Pogoh.

Bil. Surat Punya	Bil. Lot	Luas	Tuan Punya Berdaftar
Title No. H.S.(D)	Lot No. P.T.D.	Area Meter Persegi	Registered Owner
41878	2745	607	Mashindun binti Hashim

Bertarikh 30 November 2005  
Dated 30 November 2005  
[PTG(KEM) 34/2004-SGT(SK. 13);  
PTDS(RIZ.MEL) 9/2004-Pogoh]

NASRI BIN MD. ALI  
*Timbalan Pengarah Negeri  
Pejabat Tanah dan Galian  
Johor*

## KANUN TANAH NEGARA

## NATIONAL LAND CODE

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

**No. 3221.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56 Tahun 1965] dan mewakilkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 13(1) Akta, Pengarah Tanah dan Galian, Johor, dengan ini mengisyiharkan bahawa bidang tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan tertera dalam Pelan Bil. P.A. 75388 yang disimpan dalam Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor, dirizabkan bagi maksud awam iaitu, Tapak Projek Dusun Nukleus Sekijang, Segamat yang diletakkan di bawah jagaan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan hendaklah diselegarakan oleh Pengarah Pertanian Negeri Johor dan pengganti-penggantinya dalam jawatan.

## JADUAL

Daerah—Segamat. Mukim—Sungai Segamat. No. Pelan—P.A. 75388. No. Lot—18463, 18464, 18468 dan 18469. Luas—1.127 hektar, 0.8114 hektar, 0.8093 hektar dan 0.8092 hektar.

Bertarikh 2 November 2005

[PTDS(RIZ) 3/2001; PTG III/91/2003;  
PUNJ BIL. (PU2)2 JLD. 9]

NASRI BIN MD. ALI  
*Timbalan Pengarah Negeri  
Pejabat Tanah dan Galian  
Johor*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965] and delegated to him by the State Authority under subsection 13(1) of the Act, the Director of Lands and Mines, Johor, hereby declares that the parcel of land described in the Schedule and delineated in Plan No. C.P. 75388 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Johor, to be reserved for public purpose, to wit, a site for a Projek Dusun Nukleus Sekijang, Segamat to be under the charge of the State Secretary of Johor, and to be maintained by the Pengarah Pertanian Negeri Johor and its successors in office.

## SCHEDULE

District—Segamat. Mukim—Sungai Segamat. Plan No.—C.P. 75388. Lot No.—18463, 18464, 18468 and 18469. Area—1.127 hectares, 0.8114 hectare, 0.8093 hectare and 0.8092 hectare.

Dated 2 November 2005

[PTDS(RIZ) 3/2001; PTG III/91/2003;  
PUNJ BIL. (PU2)2 JLD. 9]

NASRI BIN MD. ALI  
*Deputy State Director  
Lands and Mines Office  
Johor*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

22hb Dis. 2005]

3457

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

## No. 3222.

Kepada Mu'alim bin Ibrahim yang beralamat di D/A Kasdi bin Ibrahim, Kg. Pt. Saniman, Ayer Baloi, 82100 Pontian tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun 2003.

Tuan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Pontian segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

### JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	
Jenis dan No. Hakmilik		No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
07 Pontian				(2003-2004)	Notis	Denda Lewat	
01 Ayer Baloi							
15 MK. G. 00000855	01 Lot 00005983	RM35.00	RM76.00	RM20.00	RM23.00	RM154.00	

Bertarikh 25 November 2005  
[(03)dlm.PTDP 14/01/2005(01)]  
Penyampaian Ganti.

Pentadbir Tanah  
Pontian

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK  
SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)

## No. 3223.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3458

[22hb Dis. 2005]

Permohonan daripada A. Saad bin Tasripan (K.P. 620707-01-5087) dan rakan-rakan yang tinggal di alamat No. 12, Jalan Belangkas 2, Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur yang menyatakan bahawa suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Pinggan. No. Lot—220. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1611. Luas—1.3506 hektar.

Bertarikh 6 Mei 2005  
[PTDP 11/2/89-A(82)]

AZURAWATI BINTI WAHID  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Pontian*

### No. 3224.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Zauyah binti Mohd Saleh (K.P. 331231-21-6404) yang tinggal di alamat Kg. Baru, Kukup Laut, 82300 Kukup, Pontian, Johor yang menyatakan bahawa suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Serkat. No. Lot—174. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 882. Luas—0.6677 hektar.

Bertarikh 14 November 2005  
[PTDP 11/8/89 JLD-1(23)]

AZURAWATI BINTI WAHID  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Pontian*

### No. 3225.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Ab. Manan bin Hj. Zanoddin (K.P. 560208-01-5945) beralamat di Lot 2934, Jalan Sekolah Satu, Pt. Raja, 86400 Batu Pahat, Johor telah mengaku pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

### JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Tg. Sembrong. No. P.T.D.—20317. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 7713. Luas—632.1845 meter persegi.

Bertarikh 31 Oktober 2005  
[PTDBP/4/SS/85/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

**No. 3226.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Koh Yee Choon (K.P. 471122-01-5683) yang beralamat di No. 3, Kg. Lapis Sungai Ayam, 83040 Batu Pahat, Johor telah mengaku pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

## JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Sri Gading. No. Lot—461. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1884. Luas—1.6542 hektar.

Bertarikh 5 Disember 2005

[PTDBP/4/SS/66/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

**No. 3227.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Zubidah @ Ening Zubidah binti Sulong (K.P. 330601-01-5438) yang beralamat di No. 2, Jalan Nuri, Pt. Sulong, 83600 Batu Pahat, Johor adalah wakil kepada pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

## JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Sri Medan. No. Lot—2334. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 43. Luas—591 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2005

[PTDBP/4/SS/87/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

**No. 3228.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Koe Wei Nee (K.P. 760602-01-6918) adalah Pengurus Syarikat Jayafuda Development Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 10, Jalan Punai Rimba, Taman Rimba, 83000 Batu Pahat, Johor adalah pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3460

[22hb Dis. 2005]

## JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Simpang Kanan. No. P.T.D.—43995 dan 43996. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5874 dan H.S.(M) 5875. Luas—173.5429 meter persegi dan 177.259 meter persegi.

Bertarikh 5 Disember 2005

[PTDBP/4/SS/88/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

### No. 3229.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Hj. Kasri bin Abdul Halim (K.P. 400402-01-5145) yang beralamat di No. 9, Pt. Wario Lapis, Mukim 18, Sri Medan, Batu Pahat, Johor adalah wakil kepada pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

## JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Sri Medan. No. Lot—4942. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1811. Luas—0.6323 hektar.

Bertarikh 5 Disember 2005

[PTDBP/4/SS/89/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

### No. 3230.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Bahawa Koh Yee Choon (K.P. 471122-01-5683) yang beralamat di No. 3, Kg. Lapis Sungai Ayam, 83040 Batu Pahat, Johor adalah pemilik atas hakmilik di Jadual di bawah dan hakmilik tersebut dilaporkan hilang.

## JADUAL

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Simpang Kiri. No. P.T.D.—3347 dan 3346. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2728 dan H.S.(M) 2727. Luas—0.148 hektar dan 0.1515 hektar.

Bertarikh 5 Disember 2005

[PTDBP/4/SS/90/2005]

*Pentadbir Tanah  
Batu Pahat*

**No. 3231.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran diakui hilang oleh Pemegang Gadaian Malayan Banking Berhad.

## JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Cha'ah. No. P.T.D.—2423. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3008. Luas—143.0792 meter persegi.

Bertarikh 22 November 2005

[(8)PPTDL(HM) 10/2005]

AB. HAN BIN RAMIN

*Penolong Pentadbir Tanah  
Segamat Di Labis*

**No. 3232.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran diakui hilang oleh tuan punya tanah.

## JADUAL

Daerah—Segamat. Bandar/Pekan/Mukim—Labis. No. M.L.O.—4581A. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1589. Luas—2.0234 hektar.

Bertarikh 5 Disember 2005

[(7)PPTDL(HM) 11/2005]

AB. HAN BIN RAMIN

*Penolong Pentadbir Tanah  
Segamat Di Labis*

**No. 3233.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik yang asal telah diakui hilang oleh pemilik.

## JADUAL

Daerah—Mersing. Bandar/Pekan/Mukim—Padang Endau. No. Lot—1215. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 834. Luas—1.1635 hektar.

Bertarikh 23 November 2005

[PTD(MG) 4/4/26/2005]

*Pentadbir Tanah  
Mersing*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3462

[22hb Dis. 2005]

### No. 3234.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

#### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—21083. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 40470. Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/03-196]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

### No. 3235.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

#### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Tangkak. No. Lot—14092. Jenis dan No. Hakmilik—Pajakan Negeri 6457. Luas—542 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/04-349]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

### No. 3236.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

#### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Kota Tinggi. No. P.T.D.—5493. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 12637. Luas—471.6533 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-176]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

**No. 3237.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—16667. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 22200. Luas—96.616 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-282]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3238.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Bandar—Johor Bahru. No. Lot—9418. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 23431. Luas—391.4934 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-283]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3239.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Senai-Kulai. No. P.T.D.—24787. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 131496. Luas—67.6312 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-284]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3464

[22hb Dis. 2005]

## No. 3240.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Senai-Kulai. No. Lot—37113. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 62135. Luas—68 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-285]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

## No. 3241.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. P.T.D.—25856. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 109437. Luas—155.3339 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-287]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

## No. 3242.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Negeri—Johor. Bandar—Johor Bahru. No. Lot—1244. Jenis dan No. Hakmilik—Malay Grant 1754. Luas—564.0306 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-288]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

**No. 3243.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Bandar—Johor Bahru. No. P.T.B.—11376. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 43918. Luas—139.3545 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-289]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3244.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Jementah. No. Lot—2151. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 33111. Luas—354.0884 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-290]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

**No. 3245.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Simpang Kanan. No. P.T.D.—4546. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 4800. Luas—356.736 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-291]

MOHD FARID BIN HASSAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Johor*

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3466

[22hb Dis. 2005]

### No. 3246.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

#### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—116867. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 244913. Luas—71.533 meter persegi.

Bertarikh 24 November 2005

[PTG(D) 5/05-293]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

### No. 3247.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

#### JADUAL

Negeri—Johor. Mukim—Hulu Sungai Johor. No. P.T.B.—4732. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 22498. Luas—263.787 meter persegi.

Bertarikh 1 Disember 2005

[PTG(D) 5/05-258]

MOHD FARID BIN HASSAN

*Pendaftar Hakmilik Tanah*

*Johor*

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

### No. 3248.

Saya, Norliyati binti Md. Nor, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 3 Januari 2006 di hadapan Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 11.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM58,500.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Sahaja).

- 
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM4,790.23 sehingga 24 Ogos 2004 nama pemegang gadaian Hong Leong Finance Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di perenggan 1(b) di atas: RM5,850.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Sahaja).
  - (b) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf Tempatan atau Cek Jurubank, di atas nama Hong Leong Finance Berhad, sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelong awam bermula, pada hari lelong awam.
  - (c) Pembeli yang berjaya dalam lelong tersebut, mestilah membayar dengan serta-merta setelah lelongan ditamatkan baki 10% dari Harga Jualan setelah mengambil kira 10% dari Harga Rizab yang telah dibayar.
  - (d) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (e) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
    - i. maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) dan (c) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - ii. sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (f) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari 2 Mei 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (g) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan pada atau sebelum tarikh yang ditentukan dalam perenggan (f), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) dan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

# WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3468

[22hb Dis. 2005]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—22962. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 973. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 900/95, Jilid 43, Folio 96 bertarikh 31 Julai 1995.

Bertarikh 1 Disember 2005

[PTDJB(L) 20/2004]

NORLIYATI BINTI MD. NOR

*Pentadbir Tanah*

*Johor Bahru*

**No. 3249.**

Saya, Norliyati binti Md. Nor, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 3 Januari 2006 di hadapan Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 11.00 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM90,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM75,113.12 hingga 12 April 2005 nama pemegang gadaian RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di perenggan 1(b) di atas: RM9,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Ribu Sahaja).
  - (b) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf Tempatan atau Cek Jurubank, di atas nama RHB Bank Berhad, sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelong awam bermula, pada hari lelong awam.
  - (c) Pembeli yang berjaya dalam lelong tersebut, mestilah membayar dengan serta-merta setelah lelongan ditamatkan baki 10% dari Harga Jualan setelah mengambil kira 10% dari Harga Rizab yang telah dibayar.
  - (d) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (e) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
  - i. maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) dan (c) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - ii. sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) dan (c) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (f) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari 2 Mei 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (g) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan pada atau sebelum tarikh yang ditentukan dalam perenggan (f), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) dan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—23043. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1054. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 344/98, Jilid 56, Folio 94 bertarikh 13 Mei 1998.

Bertarikh 1 Disember 2005

[PTDJB(L) 9/2005]

NORLIYATI BINTI MD. NOR

*Pentadbir Tanah*

*Johor Bahru*

**No. 3250.**

Saya, Norliyati binti Md. Nor, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 3 Januari 2006 di hadapan Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM30,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja).

- 
- 
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM46,266.19 hingga 26 April 2005 nama pemegang gadaian Malayan Banking Berhad.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di perenggan 1(b) di atas: RM3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja).
    - (b) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf Tempatan atau Cek Jurubank, di atas nama Malayan Banking Berhad, sekurang-kurangnya setengah (1/2) jam, sebelum lelong awam bermula, pada hari lelong awam.
    - (c) Pembeli yang berjaya dalam lelong tersebut, mestilah membayar dengan serta-merta setelah lelongan ditamatkan baki 10% dari Harga Jualan setelah mengambil kira 10% dari Harga Rizab yang telah dibayar.
    - (d) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
    - (e) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
      - i. maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) dan (c) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
      - ii. sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) dan (c) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
    - (f) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari 2 Mei 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
    - (g) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan pada atau sebelum tarikh yang ditentukan dalam perenggan (f), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) dan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

22hb Dis. 2005]

3471

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Sungai Tiram. No. P.T.D.—929. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 578. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 36/2002 bertarikh 17 Januari 2002.

Bertarikh 1 Disember 2005

[PTDJB(L) 6/2005]

NORLIYATI BINTI MD. NOR

*Pentadbir Tanah*

*Johor Bahru*

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR

DALAM SIASATAN

**No. 3251.**

Kepada Encik Khairulnisam bin Jais dan Puan Mazlah binti Sipon yang beralamat di Lot 23, Kampong Baru, Peserai, Batu Pahat; Lot 7, Kampong Dalam, Peserai, Batu Pahat dan No. 59-A, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi, Johor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara.

